

Air Sungai Golok naik mendadak, penduduk sedia berpindah

RANTAU PANJANG – Sebahagian besar penduduk yang tinggal berhampiran Sungai Golok kini berada dalam keadaan berjaga-jaga dan bersedia untuk berpindah apabila air sungai berkenaan kini meningkat dengan mendadak.

Setakat pukul 6 petang semalam, paras air Sungai Golok mencecah paras amaran dengan bacaan 8.56 meter berbanding paras bahaya 9 meter.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati lapan buah kampung iaitu Kampung Kedap, Kampung Lubok Gong, Kampung Tok Deh, Kampung Tersan, Kampung Jeram Perdah, Kampung Kelawar, Kampung Lachang dan Kampung Bukit Lata sudahpun dinaiki air akibat limpahan sungai tersebut.

Seorang penduduk dari Kampung Tersan, Syed Zainal Abidin Syed Mamat, 52, memberitahu, dia dan penduduk kampung kini sudah melakukan beberapa persediaan selepas air sungai meningkat mendadak sejak petang kelmarin akibat hujan lebat.

Menurutnya, jika hujan lebat berterusan, kemungkinan penduduk di kampung itu yang seramai kira-kira



KEADAAN kawasan pos kawalan tentera berdekatan Sungai Golok di Rantau Panjang yang mula dinaiki air banjir semalam.

500 orang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan berdekatan.

“Memang kami di sini terpaksa berpindah apabila setiap kali tiba musim banjir kerana kediaman kami berhampiran dengan Sungai Golok dan biasanya air banjir boleh mencecah sehingga 5 meter dari paras tebing sungai,” katanya

ketika ditemui semalam.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Kamarulzaman Samsudin, 37, berkata, dia dan ahli keluarga sedang bersiap sedia mengemas pelbagai peralatan rumah, manakala dokumen penting juga sudahpun diletakkan di tempat yang selamat.